

Azharishah, Pui Kei dinobatkan Olahragawan, Olahragawati UMP

KUANTAN 31 Mei - Penuntut Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, **Mohammad Azharishah Satar** yang cemerlang dalam acara olahraga dinobatkan sebagai olahragawan peringkat universiti berkenaan sempena Malam Penghargaan Sukan UMP di Gambang, dekat sini baru-baru ini.

Mohammad Azharishah menerima anugerah berkenaan selepas meraih pingat emas dalam Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Sukipt) dan pingat gangsa Kejohanan Olahraga Majlis Anugerah Sukan Universiti Malaysia (MA-SUM) 2016.

Anugerah Olahragawati pula dirangkul **Cheong Pui Kei**, 22, dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang menggondol pingat perak dalam Kejohanan Sukipt dan gangsa dalam MA-SUM 2016 menerusi acara taekwondo.

Pemenang membawa pulang wang tunai sebanyak RM500, trofi dan sijil penghargaan.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti itu berbesar hati dapat meraikan kejayaan dan kecemerlangan atlet yang mengharumkan nama UMP dalam bidang sukan sepanjang tahun lalu.

"Pada tahun lalu, seramai 11 atlet UMP menyertai Sukan Malaysia 2016 (Sukma) di Sarawak mewakili beberapa negeri seperti Pahang, Wilayah Persekutuan, Selangor, Terengganu dan Sarawak menerusi pelbagai acara sukan," katanya ketika berucap dalam majlis

tersebut.

Yang hadir sama, Pengarah Majlis Sukan negeri, Mohamed Rashdan Mohamed Razali; Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid dan Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Safie.

Dalam majlis itu, Anugerah Olahragawan Harapan UMP dimenangi oleh Alex Tiong Sie Hung, 21, dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam menerusi sukan renang manakala pasukan bola jaring merangkul Anugerah Pasukan Terbaik.

Menurut Daing Nasir, malam penghargaan yang memasuki edisi kelima berkenaan sebagai wadah bagi meningkatkan penglibatan penuntut UMP dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Beliau menyeru penuntut UMP supaya meneruskan usaha bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan dan mengambil peluang dengan kemudahan disediakan universiti tersebut bagi mengembangkan serta mengasah bakat masing-masing.

"Diharapkan penghargaan yang diberikan dapat memberi suntikan motivasi kepada penuntut untuk terus mengharumkan nama universiti ini dan negara pada masa hadapan.

"Usaha ini secara tidak langsung membantu mencapai matlamat kerajaan untuk melahirkan atlet yang mempunyai nilai profesional tinggi dan berdaya saing selain berkebolehan dalam pasaran domestik serta antarabangsa," katanya.



MOHAMMAD AZHARISHAH SATAR dan Cheong Pui Kei bersama anugerah dimenangi di UMP Kampus Gambang, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.